

PEKEMA, UUM bekerjasama majukan industri automotif Malaysia

Oleh [Nur Amira Mohd Hedzer](#) - Disember 16, 2024 @ 4:28pm
bhbiz@nstp.com.my



Mohamed Nazari (dua dari kiri) dan Dr Mohd Fo'ad (dua dari kanan) bertukar dokumen MoU dengan disaksikan oleh Timbalan Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian (tiga dari kanan) di Cyberjaya, hari ini - NSTP/AMIRUDIN SAHIB

CYBERJAYA: Persatuan Pengimpot dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi memperkasa penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri automotif negara.

Sebagai simbol sokongan kepada usaha ini, empat replika cek diserahkan kepada UUM, dengan tiga replika cek merupakan geran kajian penyelidikan, manakala satu lagi penyerahan cek adalah bagi membiayai Program Biasiswa Yayasan PEKEMA yang berjumlah RM32,000.

Presiden PEKEMA, Datuk Mohamed Nazari Noordin, berkata sumbangan itu adalah sebahagian daripada inisiatif PEKEMA untuk menyokong usaha R&D pendidikan tinggi di Malaysia.

"Kami percaya kerjasama ini bukan sahaja akan menghasilkan rumusan bagi memperkasa ahli PEKEMA tetapi juga akan menyumbang kepada pembangunan akademik dan modal insan, yang menjadi teras kepada kemajuan negara.

"Program biasiswa Yayasan PEKEMA yang diumumkan ini merupakan inisiatif jangka panjang untuk menyokong pelajar yang berpotensi besar dalam bidang automotif, manakala geran kajian penyelidikan bertujuan menyediakan haluan strategik untuk membantu ahli PEKEMA mengemudi laluan industri automotif yang dinamik," katanya berucap pada Majlis Menandatangani MoU bersama UUM, di sini, hari ini.

Mohamed Nazari berkata, dengan kerjasama itu, PEKEMA dan UUM berharap dapat mengukuhkan sinergi antara dunia akademik dan industri, seterusnya menyumbang kepada kemampanan dan kemajuan ekonomi Malaysia, khususnya dalam sektor automotif yang kini dipacu oleh teknologi hijau dan mesra alam.

"Gabungan kepakaran UUM dalam bidang akademik dan pengalaman PEKEMA dalam industri automotif diyakini mampu menghasilkan penyelesaian berimpak tinggi yang bakal memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohd Fo'ad Sakdan, berkata kerjasama itu adalah langkah strategik untuk meningkatkan hubungan antara universiti dan industri.

"Penglibatan pihak industri dalam R&D berpotensi meningkatkan keupayaan industri tempatan dan kerjasama ini akan membuka pintu kepada pertukaran pengetahuan, teknologi dan sumber, mewujudkan ekosistem yang dinamik serta inovatif untuk menyokong pertumbuhan mampan industri automotif negara.

"Kerjasama ini juga akan memenuhi agenda transformasi universiti dan memperkukuh sinergi antara akademik dan industri, sekali gus memberi manfaat kepada generasi akan datang," katanya.